



KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN NO.1, 2004
MAJLIS TINDAKAN NEGARA

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

15 OKTOBER 2004

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini bertujuan mewujudkan Majlis Tindakan Negara (MTN) bagi menggantikan Majlis Pembangunan Negara (MPN) sebagai jentera penyelarasan, pengawasan dan pengesanan pelaksanaan dasar dan program/projek Kerajaan untuk merealisasikan Dasar Wawasan Negara (DWN) serta mencapai matlamat Wawasan 2020.
- 1.2 Pelaksanaan dasar dan program/projek secara terselaras, berkesan serta menepati matlamat yang ditetapkan adalah teramat penting untuk menentukan pencapaian matlamat pembangunan negara secara berterusan. Untuk tujuan ini, MTN bertindak bagi menguruskan kejayaan pembangunan selama ini serta memastikan agenda berkenaan terus dapat ditingkatkan agar matlamat menjadikan negara cemerlang, gemilang dan terbilang tercapai.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan dasar program/projek Kerajaan yang menyeluruh telah mula diwujudkan melalui Arahan No. 1 yang pertama telah dikeluarkan pada tahun 1971 bagi mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di samping membentasi ancaman komunis. Arahan tersebut kemudian diganti dengan tiga Arahan berikutnya iaitu Arahan No.1, 1991, Arahan No.1, 1996 dan Arahan No.1, 2001 masing-masing bertujuan antara lain untuk menyesuaikan kerangka jentera penyelarasan pelaksanaan dengan senario pembangunan negara semasa.

- 2.2. Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) adalah fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang memberi penekanan kepada negara maju dan berkualiti berteraskan pembangunan berimbang di antara fizikal dan spiritual. Pelbagai cabaran masakini khususnya persaingan di peringkat antarabangsa kesan daripada proses globalisasi dan liberalisasi, ledakan teknologi maklumat, kadar pertumbuhan ekonomi dunia serta tuntutan rakyat yang semakin kompleks memerlukan sistem penyampaian Kerajaan yang pantas, cekap dan berkualiti berasaskan tadbir urus yang baik. Di samping itu semua agensi perlu sentiasa menangani cabaran-cabaran tersebut serta memantau dan melaporkan isu-isu strategi untuk menjamin kesejahteraan negara.
- 2.3. Persekitaran dunia sejagat kini memerlukan kompetensi dan keupayaan yang tinggi bukan sahaja untuk menguruskan harapan rakyat tetapi mempertingkatkan tahap daya saing menerusi proses peningkatan pembinaan keupayaan negara yang berterusan. Selaras dengan itu, Arahan No. 1, 2004 bertujuan menggerakkan jentera penyelarasan dasar dan program/projek Kerajaan supaya berupaya untuk menjana cadangan penyelesaian serta melaporkan tindakan terancang dan terselaras. Justeru, pengemblengan semua pihak sebagai satu pasukan, adalah penting di dalam menentukan kejayaan tanggungjawab ini.

- 2.4 Melalui penubuhan MTN ini, usaha-usaha pemantauan dan penilaian di peringkat dasar dan program/projek utama Kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan negara yang telah ditetapkan perlu ditingkatkan lagi di pelbagai peringkat dengan memantapkan sistem pemantauan dan digunakan sepenuhnya di semua peringkat.

3. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN

- 3.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan dasar dan program/projek Kerajaan adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN

3.1.1 Majlis Tindakan Negara (MTN)

MTN adalah badan utama yang mengawasi, menyelaraskan dan menilai kemajuan pelaksanaan dan memutuskan dasar serta strategi pelaksanaan rancangan pembangunan di bawah DWN.

3.1.2 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN)

JKTN adalah badan di peringkat pegawai yang memastikan keputusan MTN dilaksanakan. JKTN juga bertanggungjawab menangani isu dan masalah pelaksanaan dasar dan strategi program/projek pembangunan di bawah DWN.

3.1.3 Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)

JTPK adalah badan di peringkat kementerian bertanggungjawab memastikan keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan. JTPK juga perlu menangani isu/masalah dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah DWN bagi kementerian masing-masing.

PERINGKAT NEGERI

3.1.4 Majlis Tindakan Negeri (MTNg)

MTNg adalah badan utama di peringkat negeri bertanggungjawab memastikan keputusan MTN dilaksanakan. MTNg juga perlu menangani isu/masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di negeri masing-masing.

3.1.5 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg)

JKTNg adalah badan utama di peringkat pegawai yang bertanggungjawab memastikan keputusan MTNg dilaksanakan. JKTNg juga perlu menangani isu dan masalah pelaksanaan dasar dan strategi program/projek pembangunan di peringkat negeri.

PERINGKAT DAERAH/BAHAGIAN

3.1.6 Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD)/Bahagian (JKTB)

JKTD/JKTB adalah badan utama di peringkat daerah/bahagian yang bertanggungjawab memastikan keputusan MTNg dan JKTNg dilaksanakan. JKTD/JKTB juga perlu menangani isu/masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di Daerah/Bahagian masing-masing. Bagi Negeri Sarawak hanya JKTB sahaja diwujudkan.

3.2 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan bagi Negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan adalah seperti perenggan 3 dan 4 di **Lampiran I**.

4. SISTEM PEMANTAUAN PROJEK

4.1 SPP II merupakan salah satu daripada lima projek perintis di bawah aplikasi perdana Kerajaan Elektronik. SPP II menyediakan mekanisma baru untuk pemantauan pelaksanaan program/projek pembangunan. SPP II hendaklah digunakan sepenuhnya sebagai alat untuk memantau dan menilai program/projek pembangunan.

5. KEAHLIAN MAJLIS/JAWATANKUASA

5.1 Keahlian Majlis/Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran I**. Walau bagaimanapun, Pengerusi Majlis/Jawatankuasa boleh menjemput wakil dari sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu menghadiri Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa dari semasa ke

semasa dengan syarat perkara-perkara kerahsiaan Kerajaan tetap terpelihara.

- 5.2 Sekiranya gelaran sesuatu jawatan tidak wujud di negeri/daerah/bahagian atau jawatan tersebut diberi gelaran lain, Pengerusi Majlis/Jawatankuasa boleh melantik Ketua Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab. (Contohnya gelaran jawatan Pengarah Tanah dan Ukur di Sabah adalah sama dengan jawatan Pengarah Tanah dan Galian di negeri-negeri di Semenanjung).
- 5.3 Bagi Negeri Perlis, Pengerusi boleh melantik Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai ahli MTNg.
- 5.4 Kehadiran ahli di dalam mesyuarat Jawatankuasa adalah di atas nama jawatan dan hanya boleh diwakilkan kepada timbalan sahaja. Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri dibenarkan menghantar wakil tetap dalam mesyuarat JKTD/JKTB.
- 5.5 Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri yang menganggotai MTNg atau JKTD/JKTB adalah wakil rakyat Kerajaan sahaja.

6. PERUBAHAN KEAHLIAN DAN FUNGSI MAJLIS/JAWATANKUASA

- 6.1 Perdana Menteri boleh membatalkan atau meminda keahlian dan fungsi mana-mana Majlis/Jawatankuasa.

7. FUNGSI ICU JPM SEBAGAI URUS SETIA MTN

7.1 Tatacara kerja dan hubungan kementerian/jabatan/agensi dengan ICU JPM adalah seperti di **Lampiran II**.

8. LIPUTAN ARAHAN

8.1 Arahan ini berkuatkuasa bagi semua peringkat persekutuan, negeri dan daerah/bahagian mulai tarikh ia dikeluarkan.

8.2 Pindaan-pindaan kepada Arahan ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

9. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN NO.1, 2004

9.1 Garis Panduan Pelaksanaan Arahan No. 1, 2004 Majlis Tindakan Negara adalah seperti di **Lampiran I**.

10. PENUTUP

10.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, Arahan No.1, 2001 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Wawasan Negara bertarikh 8 Mei 2001 dibatalkan.

DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PUTRAJAYA
Oktober 2004


LAMPIRAN I

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN NO.1, 2004
MAJLIS TINDAKAN NEGARA**

1. PENDAHULUAN

1.1 Hubungan dan aliran maklumat antara jentera di semua peringkat pentadbiran adalah seperti berikut:

**HUBUNGAN DAN ALIRAN MAKLUMAT
ARAHAN NO. 1, 2004
MAJLIS TINDAKAN NEGARA**



2. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN MAJLIS TINDAKAN NEGARA

PERINGKAT PERSEKUTUAN

2.1 Majlis Tindakan Negara (MTN)

2.1.1 Keahlian MTN

Pengerusi : Perdana Menteri.

Ahli-ahli : Timbalan Perdana Menteri.
Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan.

Menteri Kerja Raya.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa
dan Industri.

Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani.

Menteri Pembangunan Usahawan
dan Koperasi.

Menteri Pelajaran.

Menteri Kewangan II.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna.

Menteri Pengajian Tinggi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Menteri yang bertanggungjawab ke
atas Unit Perancang Ekonomi)

Menteri Sumber Asli dan Alam
Sekitar.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua Setiausaha Negara.

Setiausaha : Ketua Pengarah, ICU JPM.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : ICU JPM.

2.1.2 Fungsi MTN

- (i) mengawasi, menyelaraskan dan menilai dasar serta strategi pelaksanaan pembangunan yang holistik, seimbang dan selaras dengan Wawasan 2020, Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Pelan Integriti Nasional untuk mencapai matlamat negara cemerlang, gemilang dan terbilang;
- (ii) menyelaraskan serta menilai dasar dan program yang berkaitan dengan Bumiputera dalam konteks Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dasar pembangunan yang menjurus kepada pertumbuhan dan pengagihan;
- (iii) mengenalpasti dan menyelesaikan sebarang isu yang dihadapi semasa melaksanakan program/projek pembangunan sama ada dari segi dasar atau jentera kerajaan;

- (iv) memastikan semua perbelanjaan dan pelaksanaan program/projek dibuat berdasarkan perancangan serta pengawalan kewangan kerajaan secara bijak dan berhemah;
- (v) menimbang cadangan permohonan program/projek pembangunan di luar Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- (vi) memastikan sistem penyampaian pembangunan yang lebih cepat, cekap dan berkesan;
- (vii) memastikan semua agensi kerajaan menepati objektif penubuhannya, dan bertindak selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN);
- (viii) memastikan program/projek membasmi kemiskinan dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- (ix) memastikan program/projek pertanian dan industri asas tani diberi penekanan selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan; dan
- (x) menentukan dasar dan program/projek yang berkaitan dengan pihak swasta sentiasa menepati wawasan negara.

2.1.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.2 **Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN)**

2.2.1 **Keahlian JKTN**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara.

Ahli-ahli : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Ketua Audit Negara.

Ketua Pengarah, ICU JPM.

Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Ketua Pengarah,
MAMPU, JPM.

Ketua Pengarah Kerja Raya.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : ICU JPM.

2.2.2 **Fungsi JKTN**

- (i) memastikan keputusan MTN dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan;

- (ii) memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan adalah bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;
- (iii) memastikan aktiviti badan-badan berkanun Persekutuan dan badan-badan berkanun lain yang ditentukan selaras dengan objektif penubuhannya dan DWN;
- (iv) memantau institusi-institusi yang kerajaan mempunyai kepentingan di dalamnya dan projek-projek pembangunan yang diswastakan secara terpilih supaya selaras dengan DWN;
- (v) mengenalpasti dan menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi bagi memastikan pelaksanaan program/projek mengikut perancangan;
- (vi) mengkaji semula dan memperkenalkan sistem serta prosedur baru untuk mempercepatkan pelaksanaan program/projek pembangunan;
- (vii) menilai kemampuan organisasi dalam aspek sumber manusia, kepakaran dan peralatan agensi-agensi pelaksana;
- (viii) memantau dan menilai dasar dan program/projek pembangunan untuk mencapai matlamat DWN;

- (ix) memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan; dan
- (x) memastikan pematuhan sepenuhnya penggunaan SPP II di semua peringkat.

2.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.3 **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)**

2.3.1 **Keahlian JTPK**

- Pengerusi : Ketua Setiausaha Kementerian.
- Ahli-ahli : Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pembangunan).
Ketua Jabatan/Agensi.
Ketua Bahagian/Unit Teknikal (jika ada).
- Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.
- Urus Setia : Pejabat Setiausaha Bahagian/Ketua Unit Bahagian Pembangunan.

2.3.2 Fungsi JTPK

- (i) memastikan semua keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan sepenuhnya;
- (ii) menyelaraskan perancangan pelaksanaan semua program/projek pembangunan di bawah kementerian;
- (iii) mengambilkira keperluan sumber tenaga manusia dalam setiap perancangan pelaksanaan program/projek kementerian;
- (iv) mengawasi, memantau dan menilai impak program/projek pembangunan kementerian ke atas dasar-dasar negara;
- (v) mengawasi, memantau dan menilai prestasi badan-badan berkanun di bawah penyeliaan kementerian seperti yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998;
- (vi) memperakukan sebarang perubahan dasar dan strategi pembangunan kepada JKTN bagi mencapai matlamat DWN;
- (vii) memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan;

- (viii) memastikan pematuhan sepenuhnya penggunaan SPP II di semua peringkat; dan
- (ix) memantau pelaksanaan program/projek kementerian termasuk yang diswastakan melalui SPP II.

2.3.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

PERINGKAT NEGERI

2.4. **Majlis Tindakan Negeri (MTNg)**

2.4.1 **Keahlian MTNg**

Pengerusi : Menteri Besar/Ketua Menteri.

Ahli-ahli : Menteri-menteri Kabinet Negeri/Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi.

Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha Persekutuan (bagi Sabah dan Sarawak)

Pegawai Kewangan Negeri.

Pegawai Kewangan Persekutuan (bagi Sabah dan Sarawak).

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Pengarah Tanah dan Galian.

(Pengarah Tanah dan Ukur,
Sabah/Pengarah Tanah dan Survey,
Sarawak)

Pengarah Kerja Raya Negeri.

Pegawai Daerah (kecuali
Sarawak)/Residen.

Datuk Bandar/Yang DiPertua Majlis
Perbandaran.

Setiausaha: Pengarah Pembangunan
Persekutuan/ Negeri.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh
Pengerusi berasaskan isu semasa
yang dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Persekutuan/
Negeri.

2.4.2 Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Pengerusi boleh
melantik Setiausaha Tetap Kementerian sebagai ahli
tetap Majlis.

2.4.3 Fungsi MTNg

- (i) memastikan keputusan MTN dilaksanakan
sepenuhnya;
- (ii) menyelaraskan dan menentukan strategi
pelaksanaan projek pembangunan di peringkat
negeri menepati matlamat DWN;
- (iii) mengawasi, memantau dan menilai impak
pelaksanaan projek pembangunan di peringkat

negeri supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;

- (iv) mengawasi perjalanan aktiviti badan berkanun Negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri selaras dengan objektif penubuhannya dan DWN;
- (v) menilai dan menimbang permohonan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di peringkat negeri;
- (vi) menilai kemajuan pelaksanaan dasar, program/projek di peringkat negeri melalui SPP II dan mengemukakan laporan kemajuan kepada Majlis Tindakan Negara;
- (vii) memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan; dan
- (viii) memastikan pematuhan sepenuhnya pemakaian SPP II oleh semua jabatan/agensi di peringkat negeri.

2.4.4 **Kekerapan Mesyuarat**

Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.5 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg)

2.5.1 Keahlian JKTNg

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli : Setiausaha Persekutuan.
(bagi Sabah dan Sarawak)

Pegawai Kewangan Negeri.

Pegawai Kewangan Persekutuan
(bagi Sabah dan Sarawak).

Pengarah Pembangunan
Persekutuan/ Negeri.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi
Negeri.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri.
(Pengarah Tanah dan Ukur,
Sabah/Pengarah Tanah dan Survey,
Sarawak)

Pengarah Kerja Raya Negeri.

Pengarah Pelajaran Negeri.

Pengarah Audit Negeri.

Pengarah Agama Islam Negeri

Pengarah Pertanian Negeri.

Pengarah Pengairan dan Saliran
Negeri.

Pengarah Perancangan Bandar dan
Desa, Negeri.

Pengarah MARA Negeri.

Pengarah Kebajikan Masyarakat
Negeri.

Pegawai Daerah yang dilantik oleh
Pengerusi/Residen.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh
Pengerusi berasaskan isu semasa
yang dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Persekutuan/
Negeri.

2.5.2 Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Pengerusi boleh
melantik Setiausaha Tetap Kementerian sebagai ahli
tetap Jawatankuasa.

2.5.3 Fungsi JKTNg

- (i) memastikan keputusan MTNg dilaksanakan
sepenuhnya;
- (ii) mengawasi, memantau dan menilai impak
pelaksanaan projek pembangunan di peringkat
negeri supaya bersepadu dan seimbang dengan
dasar-dasar negara;
- (iii) memastikan perjalanan aktiviti badan berkanun
Negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri
selaras dengan objektif penubuhannya dan
DWN;
- (iv) menilai dan memperakukan cadangan projek-
projek pembangunan yang dikemukakan di
peringkat negeri kepada MTNg;

- (v) memastikan pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan;
- (vi) memastikan kemajuan pelaksanaan dasar, program/projek di peringkat negeri melalui SPP II dan mengemukakan laporan kemajuan kepada MTNg; dan
- (vii) memastikan pematuhan sepenuhnya pemakaian SPP II oleh semua jabatan/agensi di peringkat negeri.

2.5.4 Ke kerap an Mesyuarat

JKTNg hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

PERINGKAT DAERAH/BAHAGIAN

2.6 Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD)/Bahagian (JKTB)

2.6.1 Keahlian JKTD

Pengerusi : Pegawai Daerah.

Ahli-ahli : Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya.

Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran.

Pegawai Pertanian Daerah.

Pegawai MARA Daerah.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan
Daerah.

Pegawai Pelajaran Daerah.

YDP Majlis Perbandaran/Majlis
Daerah/Setiausaha kepada Pihak
Berkuasa Tempatan.

Pegawai Kebajikan Masyarakat
Daerah.

Pegawai Jabatan Agama Islam
Daerah.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh
Pengerusi berasaskan isu semasa
yang dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Daerah (Pembangunan)

2.6.2 Keahlian JKTB

Pengerusi : Residen.

Ahli-ahli : Ahli-ahli Parlimen dan Dewan
Undangan Negeri.

Pegawai Daerah dalam Bahagian
berkenaan.

Jurutera Bahagian Jabatan Kerja
Raya.

Jurutera Bahagian Jabatan
Pengairan dan Saliran.

YDP Majlis Perbandaran/Majlis Daerah/Setiausaha kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Pegawai Pelajaran.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan.

Pegawai Pertanian.

Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Pegawai Pembangunan Bahagian.

2.6.3 Fungsi JKTD/JKTB

- (i) Memantau dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah/bahagian supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;
- (ii) mengawasi program/projek pembangunan termasuk program/projek swasta di dalam daerah/bahagian yang memberi kesan kepada sosio-ekonomi dan alam sekitar;
- (iii) memastikan kumpulan sasar mendapat faedah maksimum daripada program/projek pembangunan yang dilaksanakan;

- (iv) menyelaraskan dan mengemukakan cadangan pelaksanaan program/projek kementerian/agensi yang berkaitan;
- (v) memastikan pelaksanaan program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan;
- (vi) memastikan masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah/bahagian dikemukakan untuk tindakan JKTNg; dan
- (vii) memastikan pematuhan sepenuhnya SPP II di peringkat daerah/bahagian.

2.6.4 Keperluan Mesyuarat

Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN NEGERI KELANTAN

3.1 Majlis Tindakan Negeri Kelantan (MTNng Kelantan)

3.1.1 Keahlian MTNng Kelantan

Pengerusi : Menteri yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Timbalan Pengerusi : Ketua Pengarah, ICU, JPM.

- Ahli-ahli : Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi.
- Wakil Perbendaharaan.
- Wakil Unit Perancang Ekonomi, JPM.
- Wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
- Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- Wakil Kementerian Pelajaran.
- Wakil Kementerian Kesihatan.
- Wakil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Wakil Kementerian Kerja Raya.
- Pengurus Besar KESEDAR.
- Pengurus Besar KADA.
- Pengarah IADP Kemasin-Semerak.
- Pengarah Audit Negeri.
- Wakil Ketua Pengarah JAKIM.
- Setiausaha : Pengarah Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.
- Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.
- Urus Setia : Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan.

3.1.2 Fungsi MTNg Kelantan

- (i) Memastikan keputusan MTN dilaksanakan sepenuhnya;
- (ii) menyelaraskan dan menentukan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan persekutuan di peringkat negeri menepati matlamat DWN;
- (iii) mengawasi, memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan persekutuan di peringkat negeri supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;
- (iv) memperakukan strategi pembangunan kepada MTN dan JKTN bagi mencapai matlamat DWN;
- (v) membincangkan semua pelan pembangunan dan isu-isu berkaitan pembangunan yang dikenal pasti dari semasa ke semasa;
- (vi) memeriksa dan meneliti cadangan projek baru yang tidak disenaraikan di dalam RMLT sebelum dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk pertimbangan;

- (vii) mengawasi perjalanan aktiviti badan berkanun Persekutuan dan anak syarikatnya selaras dengan objektif penubuhan dan DWN;
- (viii) menilai kemajuan pelaksanaan dasar, program/projek di peringkat negeri melalui SPP II dan mengemukakan laporan kemajuan kepada MTN dan JKTN;
- (ix) memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan; dan
- (x) memastikan pematuhan sepenuhnya pemakaian SPP II oleh semua jabatan/agensi persekutuan di peringkat negeri.

3.1.3 Ke kerap an Mesyuarat

Mesyuarat MTNng Kelantan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.2 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri Kelantan (JKTNg Kelantan)

3.2.1 Keahlian JKTNg Kelantan

Pengerusi : Pengarah Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan.

- Ahli-ahli : Pengarah Kerja Raya Negeri.
Wakil Pengurus Besar KESEDAR.
Wakil Pengurus Besar KADA.
Wakil Pengarah IADP Kemasin-Semerak.
Pengarah Pelajaran Negeri.
Pengarah Perkhidmatan Perubatan Dan Kesihatan Negeri.
Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri.
Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri.
Pengarah Keselamatan Negara Negeri Kelantan.
Pengarah Alam Sekitar Negeri.
Pengarah Pertanian Negeri.
Pengarah Audit Negeri.
Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.
- Urus Setia : Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

3.2.2 Fungsi JKTNg Kelantan

- (i) Memastikan keputusan MTNg dilaksanakan sepenuhnya;
- (ii) mengawasi, memantau dan menilai impak pelaksanaan projek pembangunan persekutuan di peringkat negeri supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;
- (iii) memastikan perjalanan aktiviti badan berkanun Persekutuan dan anak syarikatnya selaras dengan objektif penubuhan dan DWN;
- (iv) memeriksa dan meneliti cadangan-cadangan projek baru yang tidak disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun untuk pertimbangan MTNg;
- (v) memastikan pelaksanaan program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan;
- (vi) memastikan kemajuan pelaksanaan program/projek persekutuan di peringkat negeri melalui SPP II dan mengemukakan laporan kemajuan kepada MTNg;
- (vii) memastikan pematuhan sepenuhnya pemakaian SPP II oleh semua jabatan/agensi persekutuan di peringkat negeri; dan

- (viii) menyelaraskan pelaksanaan projek yang melibatkan pelbagai jabatan/agensi persekutuan di peringkat negeri.

3.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4. **JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

4.1 **Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP)**

4.1.1 **Keahlian MTWP**

Pengerusi : Menteri Wilayah Persekutuan.

Ahli-ahli : Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Pengerusi.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Putrajaya.

Wakil Perbendaharaan.

Wakil Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Wakil Kementerian Pelajaran .

Wakil Kementerian Pembangunan
Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Pengarah Kerja Raya WP.

Pengarah Pengairan dan Saliran WP.

Wakil Jabatan Perancang Bandar
dan Desa.

Pengarah Pembangunan Wilayah
Persekutuan.

Pengarah Tanah dan Galian Wilayah
Persekutuan.

Ahli Jemputan: Individu yang dijemput oleh
Pengerusi berasaskan isu semasa
yang dibincangkan.

Urus Setia : Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.1.2 Fungsi MTWP

- (i) Memastikan keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan sepenuhnya;
- (ii) menyelaras dan menentukan strategi pelaksanaan projek pembangunan di Wilayah Persekutuan menepati matlamat DWN;
- (iii) mengawasi, memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan di Wilayah Persekutuan supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara;
- (iv) menilai kemajuan pelaksanaan dasar, program/projek di Wilayah Persekutuan melalui

SPP II dan mengemukakan laporan kemajuan kepada MTN;

- (v) memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan; dan
- (vii) memastikan pematuhan sepenuhnya pemakaian SPP II oleh semua jabatan/agensi di Wilayah Persekutuan.

5. PANDUAN UMUM

5.1 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa

- 5.1.1 Semua ahli hendaklah dilantik secara rasmi oleh Pengerusi. Urus setia akan menyediakan surat perlantikan ahli yang ditandatangani oleh Pengerusi.
- 5.1.2 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diatur oleh Urus Setia mengikut kekerapan mesyuarat seperti yang ditetapkan.
- 5.1.3 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi yang telah ditetapkan.
- 5.1.4 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah mengelakkan daripada membincangkan perkara-

perkara yang sepatutnya boleh diselesaikan dalam forum lain.

5.2 Takwim Mesyuarat

5.2.1 Takwim mesyuarat sepanjang tahun hendaklah dirancang sebelum Januari setiap tahun dan mengedarkannya kepada semua ahli mesyuarat.

5.2.2 Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, Urus Setia hendaklah mendapatkan tarikh baru.

5.3 Agenda Mesyuarat

5.3.1 Urus Setia hendaklah menyediakan agenda khusus untuk mesyuarat sepanjang tahun berasaskan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan. Antara perkara yang boleh dijadikan agenda tetap atau berkala ialah:

- (a) Pembentangan laporan/kertas kerja seperti:
 - (i) Laporan kemajuan pelaksanaan projek pembangunan;
 - (ii) Laporan pelaksanaan Perumahan Awam Kos Rendah/Perumahan Kos Rendah;

- (iii) Laporan pelaksanaan program-program seperti:
 - Skim Peningkatan Kesejahteraan Rakyat (SPKR);
 - Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB);
 - Program Pembasmian Kemiskinan; dan
 - Program Pertanian dan Industri Asas Tani.

- (iv) Laporan khusus pelaksanaan projek infrastruktur/kesejahteraan rakyat seperti kemudahan asas jalan, bekalan air, elektrik, telekomunikasi, kesihatan atau pendidikan.

- (b) Menjadualkan taklimat berdasarkan:
 - (i) Kementerian/Jabatan;
 - (ii) Badan Berkanun/Agensi yang telah diswastakan; dan
 - (iii) Program/projek bermasalah.

Taklimat yang disampaikan antara lain boleh memberi fokus kepada:

- (i) kejayaan pelaksanaan sesuatu program/projek yang boleh dijadikan panduan oleh agensi;
 - (ii) isu dan masalah pelaksanaan; dan
 - (iii) cadangan langkah-langkah penyelesaian.
- (c) Lawatan ke tapak projek:

Mengatur lawatan ahli Majlis/Jawatankuasa ke tapak projek secara berjadual atau sebagai susulan kepada keputusan mesyuarat.

5.4 Mengenalpasti Isu/Masalah dan Tindakan Penyelesaian

5.4.1 Fungsi utama Majlis/Jawatankuasa adalah untuk mengesan dan menyelesaikan isu/masalah pelaksanaan program/projek pembangunan.

5.4.2 Isu/masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh kementerian/jabatan/agensi/negeri berkaitan hendaklah dibawa kepada Majlis/Jawatankuasa.

5.5 Format Laporan

5.5.1 Semua agensi berkenaan boleh menggunakan format yang sesuai seperti di **Lampiran Ia** bagi mengenengahkan perkara atau isu-isu tertentu.

- 5.5.2 Kertas taklimat yang melebihi 6 muka surat, ringkasan eksekutif (tidak melebihi 3 muka surat) hendaklah disediakan.

5.6 Minit Mesyuarat

- 5.6.1 Minit mesyuarat hendaklah menepati Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 yang bertajuk '*Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerajaan*'. Contoh format minit Mesyuarat JTPK adalah seperti di **Lampiran Ib**. Jentera penyelarasan di peringkat negeri/daerah/bahagian hendaklah mengubahsuai format mengikut kesesuaian fungsi masing-masing.
- 5.6.2 Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli mesyuarat tidak lewat dari satu minggu selepas tarikh mesyuarat diadakan dan sesalinan minit mesyuarat kepada Urus Setia MTN/MTNg yang berkaitan.

5.7 Maklum Balas Keputusan Mesyuarat

- 5.7.1 Ahli Majlis/Jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat hendaklah memberi maklumbalas kepada Urus Setia Majlis/Jawatankuasa dalam masa sekurang-

kurangnya 10 hari selepas minit mesyuarat diedarkan. Laporan terkini boleh dikemukakan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat yang akan datang.

5.7.2 Sekiranya pihak yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan bukan ahli kepada Majlis/Jawatankuasa, Urus Setia hendaklah menghantar keratan minit mesyuarat kepada pihak berkenaan seperti contoh di **Lampiran Ic.**

5.7.3 Urus Setia adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat dan melaporkannya kepada mesyuarat Majlis/Jawatankuasa seperti contoh di **Lampiran Id.**

6. PENUTUP

6.1 Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Arahan No. 1, 2004 hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia,
Majlis Tindakan Negara,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM),
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
62502 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03 - 88881508
No. Fax : 03 - 88883528
E-mail : urusetiamtn@icu.gov.my

LAMPIRAN II

**TATACARA KERJA DAN HUBUNGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DENGAN UNIT
PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA
MENTERI (ICU JPM)**

1. Tujuan

1.1 Tatacara ini bertujuan untuk menghuraikan prosedur kerja, fungsi dan hubungan ICU JPM dengan kementerian/jabatan/agensi.

2. Fungsi

2.1 Arahan No. 1, 2004 Majlis Tindakan Negara (MTN), menetapkan fungsi ICU JPM selaku urus setia MTN. Kaedah yang digunapakai untuk penyelarasan dan pengawasan adalah seperti berikut:

- i) bertindak sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN) di semua peringkat persekutuan dan negeri;
- ii) memantau, menyelaraskan dan menilai prestasi pelaksanaan dasar dan program/projek mengikut jadual dan sumber supaya selaras dengan DWN;

- iii) memantau, menyelaraskan dan menilai dasar dan program/projek yang fokus kepada:
 - (a) penyertaan Bumiputera; dan
 - (b) pembasmian kemiskinan.

- iv) mengesan isu dan masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan *intervention* bagi mengatasinya;

- iv) menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan; dan

- v) memastikan SPP II digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi.

3. Huraian fungsi

- 3.1 Bertindak sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN) di semua peringkat persekutuan dan negeri:
 - (i) memastikan takwim mesyuarat MTN/JKTN dipatuhi;
 - (ii) membuat susulan ke atas keputusan MTN/JKTN;

- (iii) meminta mana-mana kementerian/jabatan/agensi untuk memberi taklimat kepada MTN/JKTN atau ICU JPM;
- (iv) mendapatkan laporan/penjelasan mengenai isu tertentu daripada kementerian/jabatan/agensi;
- (v) mengadakan lawatan projek secara berkala/mengejut; dan
- (vi) ICU JPM boleh mewujudkan jawatankuasa atau pasukan petugas peringkat pegawai bagi melaksanakan tugas penyelarasan antara agensi.

3.2 Memantau, menyelaras dan menilai prestasi pelaksanaan program/projek mengikut jadual dan sumber supaya selaras dengan DWN:

- (i) mendapatkan data/maklumat/laporan/laporan bergambar mengenai prestasi pelaksanaan program/projek;
- (ii) menyedia dan membentangkan laporan berkaitan prestasi program/projek dari semasa ke semasa;
- (iii) mengambil tindakan susulan terhadap isu/masalah pelaksanaan program/projek; dan

- (iv) menghadiri mana-mana mesyuarat/taklimat/lawatan yang berkaitan dengan sesuatu projek, jika perlu.

3.3 Memantau, menyelaras dan menilai dasar dan program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan:

- (i) mendapatkan maklumat daripada kementerian/jabatan/agensi berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan;
- (ii) menyelaras dan mewujudkan pangkalan data berkenaan penyertaan Bumiputera dalam pelbagai bidang dan pembasmian kemiskinan;
- (iii) memantau, menilai dan menganalisis program penyertaan Bumiputera dalam pelbagai bidang khususnya pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dan pembasmian kemiskinan;
- (iv) mencadangkan program/projek yang dapat meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pelbagai bidang dan membasmi kemiskinan; dan

- (v) menyelaraskan program/projek penyertaan Bumiputera dan pembasmian kemiskinan antara agensi.

3.4 Mengesan isu dan masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan *intervention* bagi mengatasinya:

- (i) mengenalpasti halangan yang menjejaskan pelaksanaan program/projek;
- (ii) mendapatkan taklimat khusus dan cadangan penyelesaian daripada kementerian/jabatan/agensi berkenaan; dan
- (iii) mengambil tindakan *intervention* terhadap isu/masalah yang dikenalpasti.

3.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan:

- (i) menilai pencapaian matlamat program/projek pembangunan selaras dengan dasar;
- (ii) memperakukan cadangan perubahan dan penyesuaian ke atas pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan kepada MTN/JKTN;

- (iii) memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan berada di landasan yang ditetapkan; dan
- (iv) menyelaraskan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek yang melibatkan pelbagai agensi.

3.6 Memastikan SPP II digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi:

- (i) memastikan kementerian/jabatan/agensi mengemaskini maklumat secara berterusan dalam SPP II; dan
- (ii) memberikan khidmat sokongan kepada kementerian/jabatan/agensi supaya sistem dapat berjalan lancar.

SINGKATAN

DEB	:	<i>Dasar Ekonomi Baru</i>
DWN	:	<i>Dasar Wawasan Negara</i>
IADP	:	<i>Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu</i>
ICU JPM	:	<i>Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i>
JAKIM	:	<i>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia</i>
JKTB	:	<i>Jawatankuasa Kerja Tindakan Bahagian</i>
JKTD	:	<i>Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah</i>
JKTN	:	<i>Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara</i>
JKTNg	:	<i>Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri</i>
JTPK	:	<i>Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian</i>
KADA	:	<i>Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu</i>
KESEDAR	:	<i>Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan</i>
MAMPU	:	<i>Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia</i>
MPN	:	<i>Majlis Pembangunan Negara</i>
MTN	:	<i>Majlis Tindakan Negara</i>
MTNg	:	<i>Majlis Tindakan Negeri</i>
MTWP	:	<i>Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan</i>
RMKe-8	:	<i>Rancangan Malaysia Ke Lapan</i>
RMLT	:	<i>Rancangan Malaysia Lima Tahun</i>
RRJP3	:	<i>Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga</i>
SPP II	:	<i>Sistem Pemantauan Projek II</i>
YDP	:	<i>Yang Di Pertua</i>